

Demam denggi di tujuh negeri meningkat

Pilin 12/03/2010

KUALA LUMPUR: Tiga ^{M/S} kematian akibat demam ⁴² denggi dilaporkan dalam tempoh 28 Februari hingga 6 Mac, menjadikan jumlah kematian pada tahun ini meningkat kepada 34 orang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican, berkata kes demam denggi bagaimanapun dilaporkan menurun empat peratus dalam tempoh itu kepada 1,074 kes berbanding 1,121 kes yang dicatatkan minggu sebelumnya.

Tujuh negeri dikesan berlaku peningkatan berbanding minggu sebelumnya iaitu Kedah (250 peratus), Perlis (100 peratus), Perak (81 peratus), Kelantan (56 peratus), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (33 peratus), Pahang (23 peratus) dan Sabah (dua peratus).

Beliau berkata, jumlah kes terkumpul tahun ini adalah 9,423 kes, berbanding 10,916 kes bagi tempoh sama tahun lalu. – Bernama